

KPJ Healthcare lupus pegangan 5 hospital pakar


Oleh NOR SEDEK ISMAIL

JOHOR BAHRU 5 Nov. - KPJ Healthcare Bhd., anak syarikat JCorp akan melupuskan pegangan ke atas lima lagi bangunan hospital pakar miliknya di negara ini kepada Al-Aqar KPJ Reit.

Langkah itu merupakan satu strategi untuk mengurangkan hutang syarikat dan mengumpul modal bagi membuat pelaburan lain.

Keputusan itu dicapai pada mesyuarat agung luar biasa KPJ yang dipengerusikan oleh Pengerusi Healthcare, Tan Sri Muhammad Ali Hashim, di sini hari ini.

Ini bermakna KPJ hanya mengendalikan rawatan pesakit dan tenaga kerja, manakala urusan bangunan ser-



JOMOR CORPORATION

ta tempat letak kereta diserahkan kepada KPJ Reit, yang melibatkan Hospital Pakar Perdana, Hospital Pakar Kuantan, Pusat Perubatan Sentosa, Hospital Pakar Kajang KPJ dan Pusat Perubatan Kedah.

Keputusan itu juga menjadikan jumlah hospital pakar KPJ yang dimasukkan ke dalam Amanah Pelaburan Har-

tanah (REIT) kini berjumlah 11 buah, setelah enam buah hospital miliknya telah pun menjalani proses yang sama, baru-baru ini.

Al-Aqar KPJ Reit, adalah REIT Penjagaan Kesihatan pertama di Malaysia, yang disenaraikan di Papan Utama Bursa Malaysia pada 10 Ogos pada tahun lepas.

Muhammad Ali berkata, lima buah hospital tersebut bernilai kira-kira RM170 juta dan RM85,755,050 akan dibayar secara tunai, manakala baki-nya menerusi terbitan 88,721,000 unit saham baru dalam KPJ Reit dengan harga tawaran 0.95 sen seunit.

Katanya, KPJ juga akan menyumbang 14.4 juta unit dalam KPJ Reit sebagai dividen kepada pemegang sahamnya berasaskan tujuh unit dalam REIT bagi setiap 100 saham biasa ber-

harga RM1 yang dimiliki dalam KPJ.

Katanya, keputusan melupuskan pegangan hospital KPJ ke dalam pengurusan REIT dibuat kerana kos menguruskan bangunan hospital dan tempat letak kereta kini semakin meningkat setiap tahun.

"KPJ, bagaimanapun akan mengekalkan kualiti khidmat rawatan dan kebersihan di setiap hospitalnya," katanya.

Muhammad Ali tidak menolak kemungkinan enam hospital pakar KPJ akan juga dilupuskan pegangannya kepada REIT, tetapi beliau tidak menetapkan jangka waktunya.

Beliau berkata, pendekatan yang sama juga mungkin dilaksanakan ke atas hospital KPJ yang beroperasi di luar negara iaitu tiga di Indonesia, dua di Jeddah, Arab Saudi dan sebuah di Dhaka, Bangladesh.